

## **KERELEVANAN PADANAN MAKNA KATA KERJA TENER BAHASA SEPANYOL KE BAHASA MELAYU**

Salina Husain, PhD

[linahusain@upm.edu.my](mailto:linahusain@upm.edu.my)

*Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia*

Sharil Nizam Sha'ri, PhD

[sharil@upm.edu.my](mailto:sharil@upm.edu.my)

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Kajian ini akan membincangkan tentang penggunaan kata kerja Tener (mempunyai, memiliki) dalam penulisan ayat bahasa Sepanyol dan padanan makna ayat dalam bahasa Melayu. Perbezaan fungsi kata kerja ini kadang kala menimbulkan kekeliruan kepada para pelajar untuk membina ayat kerana bentuk tatabahasa kedua-dua bahasa tersebut adalah berbeza. Keadaan ini turut menjejaskan komunikasi di antara penutur kedua-dua bahasa tersebut untuk memahami mesej yang hendak disampaikan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini penulis cuba untuk mengenal pasti bentuk kata kerja Tener dan padanan bentuk ayat dalam bahasa Melayu, serta menganalisis padanan bentuk makna tersebut berdasarkan fungsi ayat dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu. Kajian ini akan menggunakan pendekatan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986 dan 1995) sebagai cara meminimumkan kesilapan penggunaan ayat para pelajar apabila menggunakan kata kerja Tener ke dalam bahasa Melayu.*

**Kata Kunci:** *Kata Kerja, Tener, Padanan makna, Bahasa Melayu, Bahasa Sepanyol*

### **PENGENALAN**

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia, manakala bahasa Sepanyol pula menjadi sebahagian daripada keluarga bahasa Latin (Ensklopedia Bahasa Utama Dunia, 1998). Melihat kepada perbezaan keluarga bahasa, jelas bahawa kedua-dua bahasa tersebut iaitu bahasa Melayu dan bahasa Sepanyol mempunyai sistem tatabahasa yang berbeza. Perbezaan yang wujud

ini seringkali menimbulkan kekeliruan kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Sepanyol. Kajian yang dilakukan ini melihat kepada penggunaan kata kerja *Tener* yang membawa maksud mempunyai atau memiliki di dalam bahasa Melayu (Kamus Dewan, 2007).

Bueso I. *et al.* (2011) menerangkan bahawa kata kerja *Tener* terbahagi kepada tiga:

- a) menjelaskan tentang kepunyaan (*expresar posesión*)  
- *Carlos tiene un diccionario* (Carlos mempunyai sebuah kamus.)
- b) menjelaskan tentang perasaan (*expresar sensaciones y sentimientos*)  
- *Tengo hambre* (Saya lapar)
- c) memberitahu tentang umur (*decir la edad*)  
- *Javier tiene 18 años* (Javier berumur 18 tahun)

Selain itu fungsi kata kerja *Tener* dalam bahasa Sepanyol secara dasarnya terdiri daripada tiga iaitu membuat gambaran tentang seseorang, menerangkan tentang perasaan dan menjelaskan tentang umur (Salina Husain, Muhd Zulkifli Ismail & Norazmi Danuri, 2014). Jelas bahawa kata kerja *Tener* ini bukan sahaja merujuk kepada makna ‘mempunyai/memiliki/ada’ semata-mata tetapi juga membawa kepada kepelbagaian fungsi ayat mengikut konteks ayat dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu.

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2009) penambahan awalan ‘ber’ yang membentuk kata kerja terbitan merupakan hasil daripada proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Oleh yang demikian berdasarkan tiga fungsi ayat kata kerja *Tener* yang diterangkan jelas bahawa dalam bahasa Melayu berlakunya penambahan awalan ‘ber’ yang bertujuan untuk melahirkan perkataan-perkataan terbitan mengikut kesesuaian konteks ayat tersebut.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Relevans oleh Sperber & Wilson (1986 & 1995) yang memperlihatkan korelevanan makna konteks sangat penting dikekalkan bagi mendapatkan padanan makna yang tepat dalam bahasa yang dirujuk. Sebanyak empat ayat yang mengandungi kata kerja *Tener* (mempunyai/memiliki/ada) dianalisis bagi melihat padanan fungsi dan makna mengikut bahasa masing-masing. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kata kerja

*Tener*(mempunyai/memiliki/ada)dan padanan bentuk ayat dalam bahasa Melayu, serta menganalisis padanan bentuk makna tersebut berdasarkan fungsi ayat dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu.

## ANALISIS PERBINCANGAN

Bentuk kata kerja *Tener* (mempunyai/memiliki/ada)dalam bahasa Sepanyol sangat berbeza dengan bahasa Melayu kerana kata kerja dalam bahasa Sepanyol perlu melalui proses konjugasi iaitu satu proses pembentukan kata kerja yang digabungkan dengan kata ganti diri. Jadual berikut menunjukkan proses pembentukan konjugasi kata kerja dalam bahasa Sepanyol.

<b>Kata Ganti Diri</b>	<b>Bentuk Konjugasi <i>Tener</i></b>	<b>Makna dalam Bahasa Melayu</b>
Saya ( <i>Yo</i> )	<i>Tengo</i>	Saya mempunyai/memiliki/ada
Awak ( <i>Tú</i> )	<i>Tienes</i>	Awak mempunyai/memiliki/ada
Dia ( <i>Él/ella/usted</i> )	<i>Tiene</i>	Dia mempunyai/memiliki/ada
Kami ( <i>nosotros</i> )	<i>Tenemos</i>	Kami mempunyai/memiliki/ada
Awak semua ( <i>vosotros</i> )	<i>Tenéis</i>	Awak semua mempunyai/memiliki/ada
Mereka ( <i>Ellos/ellas/ustedes</i> )	<i>Tienen</i>	Mereka mempunyai/memiliki/ada

Jadual 1: Konjugasi Kata Kerja *Tener*

Merujuk senarai bentuk konjugasi kata kerja *Tener* pada Jadual 1, analisis perbincangan kajian membincangkan fungsi kata kerja tersebut berdasarkan tiga iaitu:

- a) menerangkan tentang pemilikan/kepunyaan
- b) menerangkan tentang perasaan, dan
- c) menjelaskan tentang umur

### a) Kata Kerja *Tener* + Pemilikan/Kepunyaan

*Nosotros tenemos dos gatos* (Kami mempunyai dua ekor kucing jantan.)

Contoh ayat tersebut menerangkan tentang kata kerja *tenemos* (Kami mempunyai/memiliki/ada) yang merujuk kepada kepunyaan. Kedua-dua ayat

dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Melayu masih lagi mengekalkan padanan bentuk kata kerja yang membawa makna yang sama. Jelas bahawa padanan makna *tenemos* adalah sama dalam bahasa Melayu iaitu ‘kami mempunyai/memiliki/ada’. Keadaan ini dilihat sebagai memenuhi hukum Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1985 dan 1996) yang sangat mementingkan hubungan makna konteks dapat dikekalkan dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu. Bagi ayat berikut:

*Yo no tengo calculadora para la clase de álgebra* (Saya tidak mempunyai kalkulator untuk kelas algebra)

Secara literal makna bentuk ayat tersebut adalah ‘tidak saya mempunyai’ (*no tengo*). Berdasarkan hukum tatabahasa bahasa Melayu kata nafi ‘tidak’ tidak hadir di hadapan frasa kata ganti diri disebabkan fungsinya adalah untuk membuat penafian. Dalam ayat bahasa Melayu bentuk tatabahasanya terdiri daripada subjek dan predikat yang mana subjek berperanan menjadi penerang kepada perbuatan atau peristiwa yang dirujuk. Oleh sebab itu kata nafi ‘tidak’ perlu hadir selepas kata ganti diri untuk membawa maksud ‘saya tidak mempunyai’. Makna konteks perlu dikekalkan dari teks asal agar mesej yang hendak disampaikan dapat difahami meskipun tatabahasa sudah berubah bentuk. Hal ini ditekankan dalam teori Relevan (Sperber & Wilson, 1986 & 1995) yang mementingkan hubungan antara konteks dan ungkapan sesuatu ayat harus dikekalkan. Begitu juga dengan aspek semantik perlu juga dirujuk bertujuan untuk memberi makna fungsian lain (Nasroniazam Abu Bakar Sidiq, 2016).

#### b) **Kata Kerja *Tener*+ Perasaan Dialami**

*La profesora tiene dolor de cabeza.* (Pensyarah wanita itu (dia) berasa sakit kepala.)

Melihat kepada contoh ayat (b) padanan bentuk kata kerja dalam bahasa Melayu sudah berubah bentuk namun masih lagi mengekalkan padanan makna yang sama. Secara literal kata kerja *tiene* membawa maksud ‘dia mempunyai’ tetapi dalam ayat bahasa Melayu kata kerja tersebut telah berubah makna iaitu ‘(dia) berasa’. Perkataan ‘berasa’ ini merupakan kata kerja terbitan yang menerima imbuhan awalan ‘ber-’.

Menurut Nik Safiah Karim *et al* (2009) perkataan yang menerima awalan ‘ber-’ menjadi kata kerja bersifat tak transitif iaitu kata kerja yang memerlukan atau tidak

memerlukan pelengkap. Walau bagaimanapun dalam contoh ayat (b) kata kerja ‘ber-’ merupakan kata kerja yang memerlukan kehadiran pelengkap bagi melengkapkan ayat iaitu ‘*berasa sakit kepala*’. Selain daripada ‘sakit kepala’, perasaan seperti lapar, sedih, dahaga, takut dan sebagainya turut menggunakan ekspresi kata kerja ‘berasa’. Oleh yang demikian dalam mencari padanan bentuk makna ini, konteks sesuatu ayat sangat memainkan peranan dalam mengekalkan kerelevanan makna ayat bahasa Sepanyol ke dalam bahasa Melayu. Dapat dijelaskan bahawa konjugasi kata kerja *tiene* (dia mempunyai/memiliki/ada) berubah bentuk dan makna untuk disesuaikan dengan sistem tatabahasa bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa dalam teori Relevan (Sperber & Wilson, 1986 & 1995) hubungan semantik – pragmatik turut memainkan peranan penting dalam mengekalkan makna asal agar penutur kedua-dua bahasa mendapat mesej yang sama.

### c) **Kata Kerja *Tener*+ Umur**

Mi primo tiene quince años (Sepupu lelaki saya berumur 15 tahun.)

Padanan makna kata kerja *tiene* dalam ayat (c) tidak lagi membawa maksud ‘dia mempunyai/memiliki/ada’ tetapi merujuk kepada kata terbitan ‘ber-’ yang digabungkan dengan kata nama ‘umur’ bagi menjelaskan tentang umur seseorang. Hal ini dikuatkan lagi melalui pandangan Nik Safiah Karim *et al.* (2009) yang menjelaskan bahawa perkataan yang menerima imbuhan awalan ‘ber-’ merupakan kata kerja yang membawa pengertian berlakunya sesuatu mengikut makna yang terkandung dalam perkataan tersebut. Oleh yang demikian jelas bahawa kerelevanan makna sesuatu ayat sangat penting dalam usaha mengekalkan makna konteks sebenar ayat. Konjugasi kata kerja *tiene quince años* secara literal membawa maksud ‘dia mempunyai 15 tahun’ tetapi disesuaikan bentuk mengikut tatabahasa bahasa Melayu menjadi ‘berumur 15 tahun’ bertujuan untuk mengekalkan makna konteks ayat asal.

Jelas bahawa maksud ‘dia mempunyai 15 tahun’ tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat bahasa Melayu kerana makna ayat tersebut boleh lagi diperluaskan contohnya menjadi ‘dia mempunyai 15 tahun lagi untuk hidup atau bekerja’. Oleh yang demikian bagi mengekalkan kerelevanan makna yang hendak disampaikan maka gaya penutur dalam menterjemahkan maksud sangat penting agar konteks makna asal dapat disampaikan.

Rumusan yang dapat dibuat hasil daripada perbincangan tersebut menjelaskan bahawa fungsi kata kerja *Tener* (mempunyai/memiliki/ada) akan berubah bentuk dan makna berdasarkan kesesuaian mengikut tatabahasa bahasa Melayu. Walaupun dalam bahasa Melayu, bentuknya tidak lagi mengekalkan makna ‘mempunyai’ tetapi makna asal masih lagi dikekalkan. Jelas bahawa dalam konteks teori Relevan (Sperber & Wilson, 1986 & 1995), makna konteks ayat lebih dipentingkan walaupun bentuk ayat telah berubah kerana kerelevanan makna lebih dititikberatkan.

## **KESIMPULAN**

Hasil daripada perbincangan dapat disimpulkan bahawa kata kerja *Tener* (mempunyai/memiliki/ada) dapat dipeluaskan maknanya mengikut fungsi ayat dalam bahasa yang dirujuk. Kerelevanan makna sesuatu ayat perlu lebih diutamakan kerana fungsi ayat setiap bahasa akan berbeza mengikut kepada hukum tatabahasa bahasa yang dirujuk. Berdasarkan perbincangan yang dibuat jelas bahawa kata kerja *Tener* boleh mengalami perubahan bentuk dan makna mengikut fungsi ayat dalam bahasa Melayu dan keadaan ini dilihat sebagai tidak melanggar hukum bahasa kerana konteks makna asal masih lagi kekalkan.

## **RUJUKAN**

- Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bueso I. *et al.* (2011). Prisma Comienza (A1). Madrid: Edinumen
- Nasroniazam Abu Bakar Sidiq (2016). Peluasan Makna Kata Nafi Bukan dan Tidak: Analisis Korpus Bahasa. *Jurnal of Malay Language, Education and Literature*, jilid 7 (73-84)
- Nik Safiah Karim *et al.* (2009). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salina Husain, Muhd Zulkifli Ismail & Norazmi Danuri (20014). The Application of the Spanish ‘Tener Verb’ Among Malay Language Speakers. *Mitteilungen Klosterneuburg*, 64 (2014) 3. Austria: Hoehere Bundeslehranstalt.
- Sperber, D and Wilson. (1986, 1995). *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Balckwell.